

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Ir. Shaharuddin bin Ismail [ Kangar ]**

**TARIKH : 17 Mei 2016**

**SOALAN :** Ir. Shaharuddin bin Ismail minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah pendekatan diambil oleh Kementerian melalui perjanjian Trans-Pasifik (TPPA) untuk memperluaskan lagi pasaran industri buah Harumanis yang mampu merangsang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang DiPertua,**

Di bawah Perjanjian TPPA, buah-buahan tropika termasuklah mangga Harumanis akan menikmati penghapusan duti. Duti yang dikenakan oleh negara TPPA ke atas buah mangga yang dieksport ke negara mereka pada masa ini adalah antara 3 peratus hingga 25 peratus. Oleh itu, penghapusan duti di bawah TPPA akan memberikan peluang kepada Malaysia untuk meningkatkan eksport mangga Harumanis ke Negara TPPA.

Bagi mengambil peluang ini, Kementerian telah mengambil langkah-langkah seperti:

- i. Memperluaskan kawasan baru penanaman mangga Harumanis di bawah projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan Chuping seluas 157 hektar (ha);
  
- ii. Meningkatkan produktiviti ladang di bawah program pembangunan Kluster Tanaman Mangga Harumanis yang dimulakan sejak tahun 2014. Skop program ini meliputi bantuan untuk infrastruktur ladang, input pertanian dan kemudahan lepas tuai dan sehingga kini seluas 257 ha kawasan sedia ada telah dipulihkan semula; dan

- iii. Bagi memastikan mangga Harumanis yang dikeluarkan berkualiti dan mematuhi piawaian untuk tujuan eksport, sebanyak 16 ladang sedia ada telah mempunyai sijil MyGAP dan pada tahun ini disasarkan sebanyak 29 lagi ladang akan memperolehi sijil tersebut.